

SIARAN MEDIA

**PENUTUPAN SEMENTARA LORONG DI WAKTU MALAM DI
BUKIT BINTANG UNTUK PROJEK MRT**

Kuala Lumpur, 21 September 2012: Beberapa lorong di dua jalan di kawasan Bukit Bintang akan ditutup untuk sementara di waktu malam untuk membolehkan kerja pembinaan MRT dilaksanakan.

Penutupan pertama melibatkan dua lorong di Jalan Bukit Bintang untuk jarak sepanjang 130 meter antara persimpangan Jalan Bukit Bintang-Jalan Sultan Ismail, dan persimpangan Jalan Bukit Bintang-Cangkat Bukit Bintang berhampiran restoran KFC. Penutupan sementara ini akan berkuat kuasa dari jam 11.00 malam pada 23 September 2012, dan tamat pada 5.00 pagi 24 September 2012. Lorong yang sama akan ditutup sementara sekali lagi dari jam 11.00 malam pada 24 September 2012 sehingga 5.00 pagi pada 25 September 2012.

Penutupan kedua pula melibatkan dua lorong di Jalan Sultan Ismail menghala ke Hotel Istana dan KLCC. Satu lorong di Jalan Sultan Ismail menghala ke Hotel Istana akan ditutup sepanjang 80 meter di hadapan Bangunan Yayasan Selangor, sementara satu lorong menghala ke KLCC juga akan ditutup sepanjang 80 meter di hadapan Lot 10. Penutupan lorong ini akan berkuatkuasa dari jam 11.00 malam pada 25 September 2012, dan tamat pada jam 5.00 pagi pada 26 September 2012. Lorong-lorong yang sama akan ditutup sementara sekali lagi dari jam 11.00 malam pada 26 September 2012 sehingga 5.00 pagi pada 27 September 2012.

Ringkasan penutupan lorong adalah seperti jam berikut:

	Penutupan Bermula	Jalan	Penutupan Berakhir	Jalan	Tempoh penutupan
Jalan Bukit Bintang	23 Sept 2012 11.00 pm		24 Sept 2012 5.00 am		6 jam
	24 Sept 2012 11.00 pm		25 Sept 2012 5.00 am		6 jam
Jalan Sultan Ismail (1 lorong menghala KLCC & 1 lorong menghala Hotel Istana)	25 Sept 2012 11.00 pm		26 Sept 2012 5.00 am		6 jam
	26 Sept 2012 11.00 pm		27 Sept 2012 5.00 am		6 jam



Penutupan lorong tersebut adalah untuk membolehkan kerja memasang semula kabel untuk lampu isyarat.

Ketika penutupan, penghadang keselamatan, dinding penghadang dan kon trafik akan diletakkan di kawasan kerja bagi memastikan pengguna jalan raya dan pejalan kaki tahu akan kerja-kerja yang sedang berlangsung.

Untuk maklumat lanjut, orang awam boleh melayari laman web MRT Corp di www.mymrt.com.my atau www.mymrt-underground.com.my, mengikuti alamat Twitter iaitu [@MRTMalaysia](https://twitter.com/MRTMalaysia) atau [@MyMRT Underground](https://twitter.com/MyMRTUnderground), atau menalipone MRT Hotline di **1-800-82-6868**.

- Tamat -

Latar belakang Projek MRT

MRT merupakan sistem pengangkutan rel baru untuk Lembah Klang. Ia adalah sebahagian daripada Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), di bawah Program Transformasi Ekonomi. Laluan Sungai Buloh - Kajang (SBK) adalah sepanjang 51km, dari bandar utara-barat laut Sg Buloh hingga ke bandar tenggara Kajang. Apabila siap, ia akan terdiri daripada 31 stesen dan memberi perkhidmatan kepada 1.2 juta orang di sepanjang laluan. Ia juga akan memiliki integrasi strategik dengan rangkaian pengangkutan rel sedia ada KL, iaitu LRT, Monorel dan KTM Komuter, serta laluan bas intra dan antara bandar. Hasilnya akan memberikan keterkaitan yang lebih baik untuk KL dan bandar-bandar sekitarnya, di samping mengurangkan jumlah bilangan kereta yang memasuki ibu kota.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mr. Leong Shen-li (MRT Corp) 012-3196602

Dr. Bhavani Krishna Iyer (MMC-Gamuda) 019-3128303

Mr. Yoong Loong Hin (Edelman) 016-5645670

Ms. Maureen Jeyasooriar (Edelman) 016-2064427